

Kemerdekaan: PAS dakwa Umno hanya buat pusingan akhir, tuntutan kredit mutlak
The Malaysian Insider
09 September , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 9 Sept - Sementara kontroversi semasa masuk minggu ketiga, PAS menjelaskan pendiriannya dalam isu sejarah kemerdekaan hari ini menerusi lapan perkara, antara lain menegaskan, Umno tidak pernah mengangkat senjata untuk mendapatkan kemerdekaan, sebaliknya mengambil nama dengan muncul di peringkat akhir.

PAS berkata, apa yang Umno buat ialah menjalankan pusingan keempat yang akhir dan menuntut kredit mutlak atas kejayaan tersebut, tanpa sebarang pengiktirafan kepada pejuang-pejuang kemerdekaan yang tersungkur dalam tiga pusingan awal yang berjaya melemahkan kuasa penjajah.

"Pejuang-pejuang lain yang menggadaikan nyawa mereka sehingga menyebabkan penjajah dalam keadaan amat parah," kata Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man (gambar) dalam satu kenyataan hari ini.

Kontroversi semasa tercetus ekoran dakwaan media Umno bahawa Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu mengagung-agungkan komunis dalam ceramahnya di Pulau Pinang 21 Ogos lalu.

Pun begitu tegas Tuan Ibrahim, PAS tidak menafikan bahawa Umno, walaupun sekadar melaksanakan tugas terakhir untuk mendapat kemerdekaan, mempunyai sedikit jasa dalam mendapatkan kemerdekaan negara.

"Umno sekadar penerima manfaat terakhir yang mendapatkan kemerdekaan tapi dengan cara kanan, iaitu 'peaceful cooperation' dengan penjajah British," katanya.

Oleh itu, tambah beliau, mereka tidak boleh menafikan bahawa para pemimpin mereka pernah menjadi pegawai British satu masa dahulu.

"Ini pendirian PAS dalam mentafsir sejarah prakemerdekaan, sudah tentunya ia berbeza dengan pendapat Umno.

"Harus ditegaskan bahawa soal menafsir sejarah dan meneliti semula sejarah berkait rapat dengan jumlah maklumat yang ada dan juga persepsi kita dalam melihat sesuatu isu," tegas Tuan Ibrahim.

Pesuruhjaya PAS Pahang ini menjelaskan, PAS percaya sebagaimana jelas pun pendirian parti, media perdana milik Umno tetap akan memutar kenyataan untuk menutup segala isu-isu rakyat yang lebih meruncing seperti kenaikan harga barang, penyelewengan daftar pilihanraya, memberikan kerakyatan untuk mendapatkan undi, rasuah, pembaziran Kementerian Pertahanan, penjualan saham Esso dan MAS, cincin RM24 juta, Bersih 2.0 dan terbaru cukai kad prabayar Telco enam peratus.

Tuan Ibrahim juga mengingatkan semua pihak bahawa prinsip utama dalam mentafsir sejarah ialah perlunya "bersetuju untuk tidak bersetuju" dan menghentikan serangan peribadi kepada mana-mana pihak hanya kerana tafsiran sejarah mereka berbeza dengan

apa yang diwar-warkan selama ini.

"Untuk pihak yang tidak bersetuju, boleh juga diadakan debat ilmiah, dan bukannya meneruskan permainan fitnah-memfitnah di media," tambah beliau.

"Kita harus bersetuju untuk tidak bersetuju dalam kajian sejarah, kerana ia juga amat bergantung kepada jumlah maklumat yang ada sebelum seseorang itu boleh membuat kesimpulan yang tepat," katanya.

Mengenai soal status Ahmad Indera atau Mat Indera, Tuan Ibrahim menyarankan semua pihak bersangka baik ketika menilai status beliau sedangkan tiada siapa tidak mengetahui sejauhmana tuduhan itu betul dan pada masa yang sama beliau tidak dapat membela dirinya.

"Mungkin di saat kehidupannya, beliau ada melakukan kesilapan sebagai manusia biasa, namun kita dituntut baik sangka kepada beliau, mungkin dalam tempoh tahanan beliau telah bertaubat dan memohon keampunan dari Allah, apatah lagi beberapa maklumat penjaga kubur memberikan gambaran baik terhadap beliau," tambah beliau.

Malah katanya, fakta yang ada sekarang saling bertentangan antara satu sama lain.

"Di satu pihak, Mat Indera dikatakan tidak pernah menganut fahaman komunis, seorang penghafal Quran, berakhlak baik sebagaimana yang ditulis dalam buku Pengukir Nama Johor.

"Belah satu lagi pula membuat pelbagai tuduhan negatif yang menyatakan beliau adalah sebaliknya.

"Yang ada hanyalah warisnya yang membuat penafian semua tuduhan liar itu. Apakah ada yang lebih hampir selain waris bagi kita berbaik sangka kepada beliau?" kata beliau.

Dalam kenyataannya Tuan Ibrahim menggariskan pendirian susulan PAS, iaitu:

- PAS menolak dan tidak pernah menyokong fahaman, golongan mahupun gerakan komunis
- PAS menganggap peristiwa Bukit Kepong 1950 adalah satu tragedi tetapi berpendirian bahawa Mat Indera patut digolongkan sebagai salah seorang pejuang kemerdekaan yang berhaluan kiri
- PAS tegas mempertahankan fakta bahawa transkrip ucapan Mohamad pada Ogos 21 di Tasek Gelugor hanya mengiktiraf Mat Indera sebagai hero tanpa kaitan dengan komunis, akan tetapi akhbar Utusan Malaysia memutarakan kenyataan beliau sehingga melabelkan Mohamad and PAS sebagai penyokong komunis bermula 27 Ogos untuk 13 hari berturut-turut. Ini adalah satu tuduhan fitnah yang langsung tidak masuk akal
- PAS yakin dengan hasil penyelidikan yang tercatat dalam buku Pengukir Nama Johor terbitan Yayasan Warisan Johor pada 2004 bahawa Mat Indera adalah salah seorang agamawan dan juga pejuang kemerdekaan.
- PAS juga yakin dengan hasil penyelidikan yang dibuat Ayub @ Uiop Kassim pada 1973 untuk memenuhi keperluan pengijazahan Sarjana Muda Sastera di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, bertajuk "Peristiwa Berdarah Tahun 1950 di Bukit Kepong, Muar: Satu Post-Mortem" yang menyimpulkan bahawa Mat Indera bukan berfahaman komunis

- PAS berpendirian perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan bermula jauh lebih awal sebelum Umno ditubuhkan. Para pejuang kemerdekaan berhalu kiri, yang mengambil 'total confrontation approach' menuntut kemerdekaan seperti Mat Indera, Rosli Dohbi, Datuk Maharajalela, Tok Gajah, Tok Bahaman, Dol Said, Tok Janggut di Kelantan, Abdul Rahman Limbong di Terengganu dan lain-lain lagi juga mesti diberi tempat dalam sejarah untuk jasa mereka

- Umno sekadar penerima manfaat terakhir yang mendapatkan kemerdekaan tapi dengan cara kanan, iaitu 'peaceful cooperation' dengan penjajah British. Oleh itu, mereka tidak boleh menafikan bahawa para pemimpin mereka pernah menjadi pegawai British satu masa dahulu

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kemerdekaan-pas-dakwa-umno-hanya-buat-pusingan-akhir-tuntut-kredit-mutlak/>